

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

PERUTUSAN TAHUN BAHARU 2025 KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi-wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Syukur ke hadrat Ilahi, dengan rahmat dan kurnia-Nya, kita semua diberi kesempatan untuk melangkah ke tahun baharu 2025. Tahun ini bukan sekadar angka baharu dalam kalendar, tetapi sebuah permulaan yang penuh dengan peluang, harapan dan tanggungjawab untuk kita semua, warga Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM). Tahun 2025 hadir dengan cabaran yang besar, menandakan fasa penutup kepada Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Walaupun begitu, kita telah membuktikan berkali-kali bahawa JPSM tidak pernah gentar berdepan dengan cabaran, malah terus maju dengan tekad dan komitmen yang tinggi.

Sepanjang tahun 2024, kita telah menyaksikan pelbagai perubahan signifikan, termasuk peralihan kepimpinan tertinggi JPSM serta pelaksanaan pusingan kerja bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P). Namun demikian, perubahan ini tidak menjadi halangan untuk JPSM terus menjalankan fungsinya dengan cemerlang.


Tahun 2024 yang telah berlalu memberikan kita banyak sebab untuk berbangga. Kejayaan mengekalkan pensijilan Pengurusan Hutan MC&I di tujuh (7) buah negeri adalah bukti nyata terhadap usaha dan komitmen berterusan JPSM dalam memastikan pengurusan hutan yang mampan dan berintegriti, selaras dengan standard antarabangsa. Ia juga merupakan bukti bahawa usaha gigih semua pihak dalam memastikan keseimbangan antara pembangunan dan pemeliharaan alam sekitar terus diutamakan.

Selain itu, pensijilan MS ISO 9001:2015 dalam aspek pengurusan dan operasi turut memperkukuhkan kedudukan JPSM sebagai sebuah agensi yang cemerlang dan melambangkan dedikasi kita untuk menjadi sebuah agensi yang cekap, berkesan, dan memenuhi piawaian tertinggi dalam setiap aspek tadbir urus.

Pelaksanaan Program Pemukiman Pengurusan JPSM pula menjadi titik tolak kepada langkah-langkah strategik bagi masa depan. Ia bukan sekadar ruang perbincangan tetapi medan untuk melahirkan visi dan misi baharu yang lebih progresif, selari dengan keperluan dan cabaran semasa.

Dari segi dasar, Majlis Tanah Negara Ke-81 telah menimbang dan meluluskan beberapa cadangan penting berkaitan moratorium ladang hutan, pewartaan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dalam rangkaian ekologi *Central Forest Spine* (CFS) serta penyeragaman permit memasuki HSK bagi tujuan ekopelancongan.





KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

JPSM turut dianugerahkan Sijil Khas Menteri atas sumbangan cemerlang dalam melaksanakan dua projek berimpak tinggi, iaitu Projek Pengurusan dan Pembangunan CFS serta Projek Pembangunan Kemahiran Malim Gunung Perhutanan. Selain itu, pencapaian dalam sektor ekopelancongan juga menyerlah dengan pelbagai anugerah yang diterima, termasuk Anugerah Emas melalui *Program Malaysia Quality Assurance (MyTQA)* untuk PD Forest, Sungai Menyala, Negeri Sembilan dan pengiktirafan *Malaysia Book of Records* dalam kategori *The Most Simultaneous Trail Conservation* sempena sambutan ulang tahun JPSM yang ke-123.

Program *KL Green Symphony 2024* yang julung kali diadakan di Taman Eko-Rimba Kuala Lumpur telah membawa dimensi baharu dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pemeliharaan alam sekitar. Kini menjadi acara tahunan, program ini mencerminkan komitmen berterusan JPSM terhadap usaha penghijauan serta pemuliharaan khazanah alam semula jadi di tengah-tengah bandar metropolitan.

Dalam arena nasional dan antarabangsa, JPSM terus aktif menyertai pelbagai persidangan, mesyuarat, dan bengkel penting antaranya, Persidangan Perhutanan Malaysia Ke-20, *the 29th United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC-COP29)*, dan *the 19th Session of the United Nations Forum on Forests (UNFF 19)*.

Namun, salah satu pencapaian yang paling membanggakan adalah kejayaan Program Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 Juta Pokok, yang menyaksikan sasaran penanaman pokok ke-100 juta berjaya dicapai setahun lebih awal. Pencapaian ini membuktikan komitmen padu semua pihak, termasuk kementerian, agensi kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat umum, dalam usaha memelihara serta memulihara khazanah alam sekitar negara.

Pelbagai kejayaan lain JPSM telah dicapai sama ada di peringkat persekutuan mahupun negeri, yang boleh dijadikan penanda aras dalam merealisasikan kecemerlangan yang lebih besar pada tahun 2025. Bagi pihak Pengurusan Tertinggi JPSM, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga JPSM atas komitmen dan usaha gigih dalam merealisasikan agenda jabatan sepanjang tahun 2024. Harapan saya adalah agar komitmen ini dapat diteruskan dan dipertingkatkan dalam memacu kejayaan serta kecemerlangan yang lebih gemilang pada masa akan datang.

Tahun 2025 menawarkan peluang kepada kita untuk terus memperkukuhkan usaha memartabatkan pengurusan hutan secara lestari. Tahun ini juga memberi ruang kepada kita untuk merangka strategi baharu bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13). Dalam hal ini, JPSM akan terus menggalas tanggungjawab dan berusaha memberikan perkhidmatan terbaik bagi memastikan kawasan hutan kekal mencukupi untuk menjalankan fungsinya demi pembangunan sosioekonomi negara serta kesejahteraan generasi kini dan masa depan. Pada masa yang sama, kita perlu memastikan segala perancangan strategik tercapai serta memberikan impak positif kepada masyarakat, negara dan kelestarian sumber semula jadi.

Sehubungan itu, saya menyeru agar seluruh warga JPSM terus melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan integriti, di samping menitikberatkan aspek tadbir urus yang berkualiti dalam penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat. Marilah kita bersama-sama meneruskan kecemerlangan jabatan dengan memberikan komitmen sepenuh hati ke arah mencapai visi dan misi jabatan sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan 2030.

Akhir kata, saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2025 kepada semua warga JPSM. Semoga tahun ini membawa kejayaan yang lebih besar dan lebih gemilang untuk kita semua.

Selamat Menyambut Tahun Baharu 2025!

DATO' HAJI ZAHARI BIN IBRAHIM
Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia